

BIL	PREAMBLES
	NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan kadar harga yang diterangkan didalamnya.
B	Kontraktor adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami semua kandungan dokumen tender ini termasuk semua keterangan di dalam <i>preambles</i> , kerja-kerja awalan (<i>preliminaries</i>), Jadual Kadar Harga dan spesifikasi kerja. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam spesifikasi kerja dan Jadual Kadar Harga ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.
C	Kawasan BP yang dinyatakan adalah dengan ini diserahkan kepada pihak kontraktor berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan didalam kontrak bagi tujuan penyelenggaraan sehingga kawasan tersebut diserahkan semula kepada pihak majlis pada tarikh yang juga dinyatakan di dalam kontrak.
D	*Pihak kontraktor perlu memastikan tiada kerosakan jalanraya di kawasan BP yang dinyatakan dan perlu memantau dari masa ke semasa serta kontraktor dibenarkan untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan di kawasan BP lain dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa dengan mendapat arahan secara bertulis yang akan di keluarkan. Pihak kontraktor mestilah menyediakan 4 kumpulan pekerja dengan kelengkapan, buruh, jentera dan peralatan bagi menjalankan kerja pembaikan di kawasan BP yang berkaitan.
E	Sekiranya pihak kontraktor gagal menyelenggara jalanraya dan dibuktikan kegagalan tersebut, satu surat peringatan/amaran akan di keluarkan dan seterusnya notis bagi tujuan penamatan akan di keluarkan mengikut syarat-syarat kontrak.
F	Pihak kontraktor diwajibkan membuat rondaan kawasan pada setiap hari bagi memastikan lokasi kerja yang perlu diambil tindakan dan memaklumpkannya kepada pihak majlis sebelum menjalankan kerja pembaikan serta mengemukakan laporan kerja harian untuk tujuan rekod secara harian . Pihak kontraktor juga adalah dengan ini bertanggungjawab terhadap seluruh kawasan BP yang diselenggara. Surat amaran/peringatan juga akan dikeluarkan sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi arahan ini.
G	Pihak kontraktor diwajibkan untuk menyediakan seorang penyelia tapak sekurang-kurangnya berkeelayakan diploma secara sepenuh masa di Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi memantau semua kerja yang akan dijalankan. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan dengan segera.
H	Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

BIL	PREAMBLES
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</p>
A	<p>Setiap kerja yang dijalankan hendaklah mematuhi arahan, spesifikasi dan standard Majlis. Sekiranya terdapat kecacatan atau kerosakan akibat kecuaiannya kontraktor, pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa berhak untuk menolak kerja tersebut secara lisan dan bertulis. Kerja pembaikan semula perlu dijalankan oleh kontraktor tanpa bayaran tambahan dari pihak MBSJ.</p>
B	<p>Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, <i>vest</i> keselamatan, but keselamatan dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan akan dibuat untuk tindakan mengikut akta keselamatan pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu tersebut.</p>
C	<p>Pihak kontraktor hendaklah memulakan kerja pembaikan di tapak setelah menerima arahan kerja secara lisan dan bertulis daripada Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan pihak kontraktor melaksanakan arahan kerja pembaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan, surat amaran/peringatan akan dikeluarkan sekiranya kontraktor gagal mematuhi arahan ini.</p>
D	<p>Semua kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga ini adalah berdasarkan kadar upah buruh, kadar sewa jentera, kos harga bahan dan juga kos pengurusan (<i>overhead</i>) serta keuntungan.</p>
E	<p>Kadar harga bagi kerja kisaran (<i>milling</i>) di dalam Jadual Kadar Harga ini adalah termasuk bagi kadar upah buruh, kadar sewa untuk jentera, mesin pemotong jalan, jentera kisaran, jentera pembersih berkuasa, dan lori bagi mengangkut dan membuang sisa-sisa di tempat yang dibenarkan serta kos pengurusan (<i>overhead</i>) dan keuntungan.</p>
F	<p>*Kadar harga bagi kerja-kerja turapan jalan (Premix jenis AC 28/AC14/AC 10) di dalam Jadual Kadar Harga ini adalah termasuk bagi kadar upah buruh, kadar sewa untuk jentera <i>paver</i>, <i>tandem roller</i> minimum 8 tan, <i>pneumatic tyre roller</i>, jentera pembersih berkuasa, <i>blow torch</i>, dan peralatan berkaitan, kos harga bahan dan pembaziran serta juga kos pengurusan (<i>overhead</i>) dan keuntungan.</p>
G	<p>*Kadar harga bagi kerja-kerja turapan jalan (Premix jenis SMA 20) di dalam Jadual Kadar Harga ini adalah termasuk bagi kadar upah buruh, kadar sewa untuk jentera <i>paver</i>, <i>tandem roller</i> minimum 8 tan, <i>macadam roller</i>, jentera pembersih berkuasa, <i>blow torch</i>, dan peralatan berkaitan, kos harga bahan dan pembaziran serta juga kos pengurusan (<i>overhead</i>) dan keuntungan.</p>
H	<p>Pihak kontraktor dikehendaki membuang semua sisa korekan atau sisa pembersihan yang terhasil dari lokasi kerja di tempat yang dibenarkan oleh pihak majlis mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>

BIL	PREAMBLES
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</p> <p>A Pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah akan dijemput untuk menyertai satu kumpulan jaringan sosial (<i>Whats App group</i>) untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini bagi memudahkan semua urusan penerimaan dan penyaluran maklumat berkaitan arahan/pertanyaan/jawapan/pemakluman berkaitan. Semua urusan di dalam kumpulan jaringan sosial (<i>Whats App group</i>) ini dianggap rasmi dan perlu dipatuhi dan pihak kontraktor dikehendaki memberi respon dengan segera bagi semua maklumat yang di perlukan dan tindakan akan di ambil sekiranya pihak kontraktor tidak memberi apa-apa respon.</p> <p>B Tuntutan bayaran interim secara bulanan hendaklah dikemukakan oleh pihak kontraktor di dalam tempoh satu (1) minggu pada bulan berikutnya dan denda lewat hantar tuntutan akan dikenakan sepertimana di dalam Arahan Kepada Petender.</p> <p>KESELAMATAN LOKASI KERJA</p> <p>C Semua peralatan (sila rujuk m/s <i>PRELIM 1/2 Bil F</i> dan m/s <i>PRELIM 2/2 Bil A</i>) perlu dibekal baru bagi kerja ini kecuali ia tidak dinyatakan. Setiap peralatan perlu sentiasa bersih agar ia kelihatan (<i>visible</i>) kepada pengguna laluan yang hendak dilaksanakan. Saiz papantanda yang digunakan perlu mematuhi Jadual Alat Keselamatan JKR-REAM atau lebih tinggi. Setiap peralatan perlu mendapat kelulusan/kebenaran Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa sebelum ia boleh digunakan di lokasi kerja. Peralatan yang tidak mematuhi syarat akan / perlu di keluarkan dari tapak kerja.</p> <p>D Kegagalan pihak kontraktor mematuhi penyediaan dan spesifikasi pemasangan peralatan tersebut akan menyebabkan pihak kontraktor dikenakan DENDA sebanyak RM 1,000.00. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan dari jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan (pihak jabatan akan mengeluarkan 'NOTIS BERHENTI KERJA' dan kerja hanya boleh dimulakan semula apabila pihak kontraktor telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan)</p> <p>E Tuntutan bayaran interim akan di buat pada setiap bulan dan dianggarkan untuk kerja ini selama setahun dan sebanyak dua belas (12) bulan berdasar keperluan-keperluan yang telah ditetapkan di dalam kerja-kerja awalan m/s <i>PRELIM 1/2 Bil E & F</i> dan m/s <i>PRELIM 2/2 Bil A</i>)</p> <p>KERJA-KERJA TURAPAN SEMULA JALAN</p> <p>F Pihak kontraktor hendaklah membekalkan <i>premix</i> jenis AC28/AC14/AC 10 dan SMA 20 dari kuari yang diiktiraf oleh pihak JKR sahaja dan pihak Majlis berhak menolak sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi spesifikasi bekalan dan tidak akan membuat apa-apa pembayaran ke atas</p> <p>G Pihak kontraktor juga perlu mengemukakan doket/<i>delivery order premix</i> kepada pihak Majlis bagi tujuan pengesahan dan rekod.</p> <p>H Pihak Majlis akan membuat ujian pemeriksaan kualiti turapan melalui <i>coring test</i> yang mengandungi ujian ketebalan, <i>density test</i>, <i>binder and grading test</i>, <i>binder drain down test</i> dan <i>marshall test</i> yang akan menentukan kebolehterimaan dan integriti kerja turapan.</p> <p>J Semua kerja turapan jalan adalah berdasarkan <i>Standard Specification For Road Works : Section 4 - Flexible Pavement</i> JKR/SPJ/2008-S4 dan kegagalan pihak kontraktor mematuhi spesifikasi ini akan mengakibatkan kerja-kerja tersebut tidak akan diterima dan pihak Majlis berhak mengarahkan pihak kontraktor melaksanakan semula kerja-kerja tersebut.</p>

BIL	<i>PREAMBLES</i>
A	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</p> <p>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI</p> <p>Pentender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada Arahan Kepada Pentender.</p>